

TARIKH	17 / 6 / 2015	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	X/11	RUANGAN	

TH kaji semula jual tanah di TRX

» Keputusan dibuat susulan maklum balas Dewan Rakyat

Oleh Haika Khazi dan Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Embaga Tabung Haji (TH) mengkaji semula cadangan menjual tanah miliknya di pusat kewangan, Tun Razak Exchange (TRX), di sini.

Pengerusinya, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim, berkata kajian semula bagi menentukan sama ada mahu menjual tanah itu atau membangunkannya, dibuat susulan maklum balas dari Dewan Rakyat, kelmarin.

"Saya tak tahu bila keputusan (kajian semula) akan dimaklumkan, tapi apa sahaja keputusannya,

kita akan beritahu nanti," katanya. Kelmarin, beberapa Ahli Parlimen, termasuk bukan Islam dan wakil pembangkang, ketika mencelebur penggulungan usul Rancangan Malaysia Ke-11 oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom di Dewan Rakyat, menyatakan sokongan supaya TH tidak menjual tanah seluas 0.63 hektar itu.

Nilai amat tinggi

Dalam perkembangan berkaitan, Pengarah Eksekutif PPC International Sdn Bhd, Kamaruzaman Saad, berkata TH wajar membungunkan tanah berkenaan kerana nilainya amat tinggi berikutan terletak di lokasi strategik, sekali gus berpotensi mendatangkan keuntungan jangka pendek dan panjang kepada syarikat itu.

Sementara itu, Jamil Khir ketika ditemui pemberita selepas melancarkan program Ihy Ramadhan 1436H/2015 dan buku Dasar Dakwah Negara di Kompleks Pusat Islam, di sini semalam, berkata kerajaan menyerahkan kepada

lembaga pengarah TH untuk membuat keputusan sama ada meneruskan atau tidak penjualan tanah itu.

"Sebarang keputusan pembelian atau pelaburan oleh TH adalah tertakluk kepada syarat prosedur operasi standard (SOP) serta kadah tersendiri bermula dari peringkat ketekunan wajarnya pengurusan risiko dan pertimbangan pelaburan oleh ahli lembaga pengaruhnya.

"Oleh itu, saya pulangkan (segerakan) kepada pihak ahli lembaga pengarah TH untuk membuat keputusan sewajarnya kerana ada desakan daripada ramai ahli Dewan Rakyat semalam (kelmarin) yang berpandangan supaya tanah itu tidak dijual," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan TH memutuskan untuk menjual tanah itu yang dibelinya pada harga RM188.5 juta daripada 1Malaysia Development Berhad (1MDB) bagi memelihara sensitiviti umat Islam dan tidak mahu isu berkenaan dimanipulasi oleh mana-mana pihak untuk tujuan politik.



Jamil Khir merasmikan majlis pelancaran program Ihy Ramadhan 1436H/2015 dan buku Dasar Dakwah Negara di Kuala Lumpur, semalam.
(FOTO MUHD ASYRAF SAWAL/BH)